



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“ISTIGHFAR DAN KELEBIHANNYA”

5 Mei 2023 / 14 Syawal 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jemaah yang dimulihkan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

“ISTIGHFAR DAN KELEBIHANNYA”

Firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 133:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

Bermaksud: “Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebaikan untuk) mendapatkan keampunan daripada Tuhanmu dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang yang bertakwa.”

Allah memperkenalkan diri Nya dengan beberapa sifat mulia seperti al-Ghafur (pengampun), al-'Afuww (pemaaf), al-Rahim (penyayang), dan al-Sittir (penutup aib). Kesemua sifat tersebut menunjukkan Allah sentiasa memaafkan serta mengampuni dosa hamba Nya apabila dilafazkan kalimah istighfar memohon keampunan. Allah yang memiliki sifat-sifat mulia telah mewujudkan pelbagai asbab untuk memberi pengampunan; salah satu sebabnya adalah istighfar dengan penuh penyesalan.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Istighfar bertujuan memohon keampunan atau memohon penghapusan dosa, menghilangkan kesannya dan berlindung daripada kejahatannya. Mengikut ahli kalam, istighfar bermaksud memohon keampunan selepas melihat betapa buruknya maksiat lalu berpaling daripadanya. Istighfar adalah penzahiran penyesalan hamba kepada Tuhannya. Istighfar sangat dituntut dalam Islam sehinggakan Nabi SAW yang bebas daripada dosa (maksum), beristighfar setiap hari sebagai tanda rendah diri seorang hamba yang bersyukur atas pemeliharaan Allah ke atas dirinya. Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

وَاللَّهِ إِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ أَكْثَرَ مِنْ سَبْعِينَ مَرَّةً

Bermaksud: “Demi Allah, sesungguhnya aku memohon ampun daripada Allah dan bertaubat kepada Nya setiap hari lebih 70 kali”. (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi,

Mengapakah kita perlu melazimkan istighfar?

Pertama: Kerana kita hamba Allah yang tidak terlepas daripada melakukan dosa. Dan Allah SWT amat menyukai hamba Nya yang mengakui kesalahan, lalu memohon ampun atas dosa yang telah dilakukan. Setiap pendosa yang mengakui kesalahan dan memohon ampun, lebih disukai Allah berbanding ahli ibadah yang merasa bangga dengan amalannya.

Kedua: Kerana keinsafan berlakunya kekurangan atau kecacatan semasa kita mengerjakan ibadah. Istighfar dianjurkan selepas kita mengerjakan ibadah sebagai permohonan ampun atas sebarang kekurangan atau kecacatan yang mungkin berlaku.

Ketiga: Kerana bimbang kegembiraan dengan nikmat atau kejayaan berkemungkinan menyebabkan kita terleka daripada mengingati Allah. Ketika umat Islam bergembira dengan pembukaan Mekah, Allah menurunkan dalam surah An-Nasr, ayat 3 bermaksud, “Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan mohonlah ampun kepada Nya. Sesungguhnya Dia sangat menerima taubat.”

Muslimin Mukminin yang dimuliakan

Kelebihan istighfar sangatlah banyak, antaranya:



Pertama: Istighfar merupakan Sunnah Nabi SAW dan menjadi asbab pengampunan Allah atas segala dosa yang kita lakukan. Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa' ayat 110:

﴿وَمَنْ يَعْمَلْ سُوءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُ ثُمَّ يَسْتَغْفِرِ اللَّهَ يَجِدِ اللَّهَ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١١٠﴾﴾

Bermaksud: Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menzalimi dirinya sendiri (dengan melakukan maksiat), kemudian dia memohon keampunan daripada Allah, nescaya dia akan mendapati Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

Kedua: Istighfar menjadi asbab dikurniakan pelbagai rezeki dan kemudahan hidup.

Dalam surah Nuh ayat 10-12, firman Allah bermaksud “Sehingga aku berkata (kepada mereka), “Mohonlah keampunan daripada Tuhanmu, sesungguhnya Dia Maha Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian) nescaya Dia akan menurunkan hujan yang lebat dari langit kepadamu. Dan Dia mengurniakan kamu harta kekayaan dan anak pinak dan menjadikan bagimu kebun-kebun tanaman serta menjadikan bagimu sungai (yang mengalir di dalamnya)”

Ketiga: Istighfar menjadi asbab penyelesaian masalah yang berat. Sabda Nabi SAW

مَنْ لَزِمَ الْإِسْتِغْفَارَ، جَعَلَ اللَّهُ لَهُ مِنْ كُلِّ ضِيقٍ مَخْرَجًا، وَمِنْ كُلِّ هَمٍّ فَرَجًا، وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Bermaksud: “Barang siapa melazimkan istighfar, Allah SWT menjadikan untuknya bagi setiap kesempitan itu jalan keluar, setiap kebimbangan itu kelapangan, dan Allah juga mengurniakan kepadanya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka.”

(Riwayat Abu Daud)

Para ulama' mengamalkan istighfar apabila ditimpa masalah dan terbukti berkesan membantu mereka menangani masalah. Para ulama juga membanyakkan istighfar sebelum membuat sesuatu fatwa atau menyuarakan sesuatu pandangan, demi mengelakkan berlaku kesilapan akibat hati yang belum dibersihkan dengan istighfar.

Keempat: Istighfar menjadi asbab pengampunan kepada orang Islam yang telah meninggal dunia. Sesungguhnya istighfar dapat menyelamatkan umat Islam daripada seksaan kubur dan dibakar oleh api neraka. Saidina Uthman RA berkata:



”كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، إِذَا فَرِعَ مِنْ دَفْنِ الْمَيِّتِ وَقَفَ عَلَيْهِ، فَقَالَ: اسْتَغْفِرُوا
لِأَخِيكُمْ، وَسَلُوا لَهُ التَّثْبِيتَ، فَإِنَّهُ الْآنَ يُسْأَلُ”

Bahawa Nabi SAW apabila selesai mengebumikan mayat, baginda diam seketika dan bersabda “mohonlah ampun untuk saudara kamu dan mohonlah keteguhan untuknya kerana dia sedang disoal” (Riwayat Abu Daud)

Istighfar hendaklah dilakukan dengan tawaduk, dengan rendah diri, iaitu hati yang benar-benar berharap, patuh, dan dipenuhi rasa pengharapan rahmat Ilahi. Lafaz istighfar yang paling ringkas diajar Nabi SAW adalah اسْتَغْفِرُ الله manakala lafaz penghulu istighfar adalah:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ،
أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ لَكَ بِذُنُوبِي فَاعْفُرْ لِي، فَإِنَّهُ لَا
يَعْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya: “Ya Allah, Engkau ialah Rabbku, tidak ada Tuhan yang berhak disembah dengan benar melainkan Engkau. Engkau yang menciptakan aku dan aku ialah hamba Mu. Aku atas perjanjian Mu dan janji Mu sesuai dengan kemampuanku. Aku berlindung dengan Mu daripada keburukan perbuatanku, aku mengakui nikmat Mu kepadaku dan aku mengakui dosaku kepada Mu, maka ampunilah aku. Ini kerana, tiada yang dapat mengampuni dosa melainkan Engkau”. (Riwayat al-Bukhari)

Para Jemaah Rahimakumullah,

Bilakah waktu terbaik untuk beristighfar? Para ulama’ berpandangan waktu terbaik adalah pada waktu sahur iaitu 1/3 malam terakhir. Ini berdasarkan kefahaman akan Firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 17 yang menyebut وَالْمُسْتَغْفِرِينَ بِالْأَسْحَارِ iaitu sifat orang bertakwa yang beristighfar pada waktu sahur (akhir malam). Walau apa pun, kita dianjurkan beristighfar pada bila-bila masa. Justeru itu, marilah kita membanyakkan istighfar walau di mana kita berada. Semoga kita termasuk golongan yang dipuji Allah dan diampuni dosa yang lalu dan akan datang.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Ampuni segala dosa kami, dosa ibu bapa dan guru-guru kami, dosa ahli-ahli keluarga kami, baik yang masih hidup begitu juga yang telah berada di alam barzakh; sesungguhnya Engkau Maha Pengampun. Bimbing kami untuk meninggalkan segala kesilapan dan bantu kami untuk istiqamah melakukan kebaikan. Dengan istighfar, kami pinta Engkau kurniai kami ketenangan, keselamatan, kemudahan segala urusan, kesembuhan bagi setiap penyakit, keberkatan rezeki dalam urusan pekerjaan dan hidup kami.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

PENGUMUMAN SEBELUM AZAN JUMAAT

LAMPIRAN

TEKS PENGUMUMAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Kariah masjid yang dimuliakan,

Jabatan Kesihatan Negeri Perak ingin memaklumkan bahawa kini sedang berlaku peningkatan mendadak kes demam Denggi di Negeri Perak. Dari Januari 2023 hingga Mac 2023, sebanyak **856 kes** Denggi telah dicatatkan.

Oleh yang demikian, semua penduduk diminta mengambil langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- i. Luangkan 10 minit setiap minggu untuk memastikan sekeliling rumah bersih, bebas tempat pembiakan nyamuk Aedes.
- ii. Musnahkan bekas-bekas yang boleh menakung air.
- iii. Pakai baju berlengan panjang dan seluar panjang.
- iv. Gunakan repelen bagi mengelak gigitan nyamuk.
- v. Lakukan gotong-royong bersama komuniti.
- vi. Sekiranya anda demam, dapatkan rawatan segera.

Sekian, harap maklum.

* PERINGATAN TAMBAHAN

Disediakan oleh:

En. Yussani bin Hashim
Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Promosi Kesihatan

Tarikh : 04/4/2023

Jika ada pertanyaan, sila hubungi:

Nama : En. Yussani bin Hashim
Email : yussani@moh.gov.my
Telefon : 05 5469355

Berhadapan dengan suhu cuaca yang agak panas ketika ini. Para jemaah dinasihatkan dengan beberapa perkara:-

- 1) Kevapkan minum air
- 2) Elakkan diri, keluarga & anak² dari seawang aktiviti luar ~~tanpa~~ tanpa keperluan
- 3) Disarankan untuk berada di kawasan yang terlindung daripada gelombang panas dan mempunyai pengudaraan yang baik.